

23 NOV 1996

Apec-menteri

MESYUARAT MENTERI APEC BERAKHIR HARI INI

Oleh: Abdul Muin Majid

MANILA, 23 Nov (Bernama) -- Mesyuarat kelapan menteri-menteri forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) masuk hari kedua dan terakhir hari ini selepas ia meluluskan Pelan Bertindak Manila untuk Apec (Mapa) semalam.

Menteri-menteri dari 18 negara anggota dijangka membincangkan kerjasama ekonomi dan teknikal selain urusan pentadbiran dan belanjawan hari ini.

Malaysia diwakili oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Selain Mapa, mesyuarat itu turut meluluskan langkah-langkah untuk memudahkan dan melonggarkan syarat-syarat perdagangan dan pelaburan bersama, isu keanggotaan dan Kad Perjalanan Perniagaan Apec buat permulaannya untuk Australia, Filipina dan Korea Selatan.

Mapa ialah dokumen penting yang menghuraikan tindakan bagi mencapai matlamat Apec mewujudkan kawasan perdagangan bebas menjelang tahun 2010 bagi negara-negara maju dan tahun 2020 bagi negara-negara sedang membangun.

Menteri-menteri Apec juga dijadual berdialog dengan tokoh-tokoh perniagaan dari rantau Asia Pasifik yang menghadiri Forum Perniagaan Apec (ABF) selama tiga hari.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ialah antara ketua-ketua kerajaan yang akan menghadiri sidang kemuncak pemimpin-pemimpin Apec di Subic Bay Isnin ini.

Beliau dijadual berbincang dengan Perdana Menteri Australia John Howard dan Presiden Filipina Fidel Ramos.

Dr Mahathir akan berucap pada penutupan ABF sebelum menghadiri pelancaran Majlis Perniagaan Filipina-Malaysia bersama Ramos. -- BERNAMA

MAM MAI